

Derita anak alah tepung gandum

» Shahrul Nizam sanggup berhenti kerja, jaga diet harian Irfan

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@
bh.com.my

Seorang bapa sanggup berkorban dengan berhenti kerja bagi memastikan keselamatan anak tunggalnya yang mengalami reaksi teruk akibat alah kepada tepung gandum.

Shahrul Nizam Kamal, 29, berkata beliau tidak sesekali kesal kehilangan pendapatan bulanan demi memastikan Muhammad Irfan, 3, sentiasa sihat.

Muhammad Irfan mengalami alahan luar biasa seperti mata bengkak dan merah, tubuh menjadi biru, tekanan darah rendah dan sukar bernafas sekiranya termakan makanan berasaskan tepung gandum.

Lebih menyedihkan, Muhammad Irfan turut mengalami alahan yang sama walaupun hanya terhidu atau tersentuh tepung gandum.

"Saya berhenti kerja sejak tiga bulan lalu kerana mahu memastikan Muhammad Irfan mendapat khasiat pemakanan sepenuhnya disebabkan banyak makanan kegemaran kanak-kanak yang dia tidak boleh makan.

"Saya akan memasak masakan kesukaan Muhammad Irfan seperti yang menjadi kegemaran kanak-kanak lain tetapi bebas tepung gandum," kata bapa penyayang ini yang ditemui bersama isterinya, Nur Fairuz Zainudin, 29 di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Sertai kelas memasak

Demi Muhammad Irfan, Shahrul Nizam sanggup mencuri waktu yang terluang dengan menyertai kelas memasak makanan seperti kek coklat, muffin dan ayam goreng ala KFC tanpa menggunakan tepung gandum.

Kebanyakan makanan berkenaan menggunakan tepung jagung dan tepung beras yang



Muhammad Irfan menyambut hari jadi dengan **kek khas yang dimasak oleh bapanya** menggunakan bahan bebas tepung gandum.



Puding karamel dan muffin diperbuat daripada bahan **bebas tepung gandum**.



Muhammad Irfan.

Shahrul Nizam berkata, sejak berhenti kerja, serangan alahan anaknya menurun daripada dua atau tiga kali sebulan kepada sebulan sekali.

"Muhammad Irfan sangat sensitif kepada tepung gandum sehinggakan pernah mengalami serangan ketika berselisih dengan lori tepung. Ketika itu kami bergegas membawanya ke hospital berhampiran," katanya.

Shahrul Nizam meluahkan kebimbangan bakal kehilangan anak kesayangan mereka berikutan sukar mendapatkan bekalan ubat.

Suntikan Epipen penyelamat alahan

Beliau berkata, ini kerana Muhammad Irfan bergantung sepenuhnya kepada suntikan khas menggunakan alat yang dikenali sebagai Epipen yang sukar didapati di negara ini.

"Epipen bagaikan penyelamat nyawa Muhammad Irfan kerana setiap kali mengalami reaksi melampau, anaknya memerlukan suntikan itu dengan segera.

"Malangnya Epipen sukar diperolehi termasuk hospital kerajaan dan swasta mahupun kebanyakan farmasi di negara ini," katanya.

Harga Epipen pula kata Shahrul Nizam sangat mahal

sehingga mencecah RM350 sebatang dan hanya boleh digunakan untuk sekali suntikan saja dan mempunyai tarikh luput.

Muhammad Irfan memerlukan sekurang kurangnya bekalan dua Epipen dalam tempoh sebulan bergantung kepada jumlah serangan di dalam.

Shahrul Nizam berkata, beliau terpaksa memperuntukkan lebih RM1,000 sebulan bagi memastikan Irfan tidak terputus bekalan Epipen ketika mengalami reaksi alahan.

Perbelanjaan yang tinggi itu membebankan pasangan ini, apatah lagi pendapatan keluarga itu kini, bergantung kepada Nur Fairuz yang bekerja di sebuah pasar raya selain kerja sambilan dilakukan Shahrul Nizam dengan menyediakan tempahan makanan.

Bekalan suntikan sukar diperolehi

"Saya merayu pihak berkaitan khususnya Kementerian Kesihatan supaya menyediakan bekalan Epipen dengan lebih banyak di semua hospital dan pusat kesihatan bagi mengurangkan beban ibu bapa seperti kami.

"Muhammad Irfan hanya mendapat Epipen secara percuma dari hospital ketika mula



RAWATAN SEGERA HANYALAH MENERUSI PENGGUNAAN EPIPEN YANG DAPAT MENINGKATKAN KADAR ADRENALIN BAGI MENGEMBALIKAN TEKANAN DARAH KEPADA NORMAL"

Intan Hakimah Ismail, Pensyarah Perubatan Kanan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM)

mengalami reaksi alahan ketika usianya 10 bulan.

"Selepas itu kami terpaksa membelinya," katanya yang meluahkan kebimbangan kerana kehabisan bekalan Epipen ketika ditemui kerana Epipen yang ada sudah luput tarikhnya.

Sementara itu, Pakar Pediatrik Alergi dan Imunologi yang juga pensyarah Perubatan Kanan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Intan Hakimah Ismail, berkata Muhammad Irfan mengalami reaksi berlebihan (anafilaksis).

Sistem tubuh Irfan kata beliau, tidak boleh memproses protein tepung gandum dan

akan bertindak balas dengan mengeluarkan antibodi dikenali sebagai IGE (E).

Kesan ruam, cirit birit, sukar bernafas

"Ini menyebabkan ruam, cirit birit, sukar bernafas, masalah salur pernafasan, salur darah mengecut menjadikan tubuhnya lembik, denyutan nadi meningkat dan tekanan darah menurun," katanya.


Dr Intan berkata, kes Muhammad Irfan memang unik dan jarang ditemui kerana lazimnya kanak-kanak alah kepada susu lembu atau telur tetapi Irfan alah kepada tepung gandum walaupun hanya terhidu atau tersentuh

bahan itu.

Sejak beliau merawat Muhammad Irfan pada tahun 2013 ketika mengalami alahan pada usia 10 bulan, belum menemui kes seumpama itu dalam kalangan pesakitnya.

"Tiada ubat khusus boleh menyembuhkan alahan tetapi kita merawat gejala yang berlaku apabila ada reaksi menerusi ubat tertentu.

"Rawatan segera hanyalah menerusi penggunaan Epipen yang dapat meningkatkan kadar adrenalin bagi mengembalikan tekanan darah kepada normal. Pesakit berhadapan risiko maut sekiranya lewat mendapat rawatan," katanya.



Epipen

Banyak pihak sedia bantu

Kisah Muhammad Irfan yang disiarkan sebelum ini dalam BH mendapat perhatian daripada pengamal perubatan dari dalam dan luar negara.

Mohd Shahrul berkata, beliau menerima panggilan dari hospital di Shah Alam dan Oman selepas pihak terbabit membaca kesukaran dialaminya untuk mendapat bekalan ubat Epipen iaitu penawar kepada reaksi melampau akibat alah kepada gandum.

Ditawarkan bantuan

"Saya dimaklumkan seorang ahli farmasi dari pusat perubatan di Shah Alam yang sudi menyediakan bekalan Epipen untuk Muhammad Irfan dengan harga RM320.

"Ahli farmasi itu berkata dia memahami reaksi anafilaksis yang mana pesakit terpaksa bergelut antara hidup dan mati ketika mengalami serangan," katanya.

Sementara itu, Mohd Shahrul berkata, beliau turut menerima panggilan daripada Sultan Qaboos University Hospital, Oman yang mahu membekalkan Epipen pada harga RM280 sebatang.

Bagaimanapun, bagi membawa Epipen masuk ke negara ini memerlukan preskripsi daripada doktor di sana kerana peralatan itu termasuk di dalam kategori ubat terkawal, selain permit untuk dibawa masuk ke negara ini.



dikisar sendiri.

"Irfan seperti kanak-kanak lain ingin makan ayam KFC tetapi makanan itu mengandungi tepung gandum. Bagi memenuhi keinginannya, saya goreng ayam menggunakan tepung beras, tepung jagung dan rempah sebelum dimasukkan ke dalam kotak KFC.

"Begitu juga dengan makanan ringan lain yang digemari kanak-kanak, saya buat sendiri keropok dan masukkan ke dalam bungkusan makanan ringan selepas memastikan bungkusan itu dibersihkan," katanya yang gemar mencuba pelbagai resipi khusus untuk